

24/01/1997

Konsep fastabiqul khairat dalam era globalisasi

Abdurrahman Haqqi

FASTABIQUL khairat atau berlumba-lumbalah dalam berbuat kebaikan ada disebutkan al-Quran di dua tempat. Pertama dalam surah al-Baqarah ayat 148 dan kedua dalam surah al-Maidah ayat 48.

Apa yang menarik perhatian saya dari kedua-dua ayat di atas adalah kedatangan mereka selepas penyebutan dan penegasan panduan isu global dalam perspektif al-Quran. Mari kita semak kedua-dua ayat berkenaan.

Ayat al-Baqarah bermaksud: "Dan tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana saja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu". Ayat al-Maidah pula bermaksud: "Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (ahli kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng), dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, kami jadikan (tetapkan) suatu syari'at dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan kalau Allah mengkehendaki nescaya Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Dia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan. Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Dia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya".

Kedua-dua ayat di atas dari perspektif isu global dapat disimpulkan bahawa al-Quran mengiktiraf keberbilangan dan kepelbagaian umat dengan arah tuju, syariat dan jalan agama masing-masing. Hakikat ini disengajakan kewujudannya oleh Allah dengan satu matlamat iaitu untuk menguji mereka dalam melaksanakan garis panduan yang diberikan kepada umat. Dalam merealisasikan matlamat ini diperlukan suatu persaingan dalam istilah kedua-dua ayat itu adalah fastabiqul khairat. Jadi, dengan adanya persaingan di antara umat dunia pentakmiran dan penghidupan muka bumi dapat dijamin kesinambungannya. Inilah isu global yang ingin ditanamkan al-Quran dalam diri setiap yang mengimaninya.

Masih segar dalam ingatan kita bagaimana dua pakar Barat yakni John Naisbitt dan Patricia Aburdene yang telah sampai kepada sepuluh kesimpulan arah baru kehidupan masyarakat dunia untuk tahun 2000 dalam buku mereka Megatrend 2000.

Kesepuluh kesimpulan itu adalah ekonomi global akan berkembang; renaissans dalam bidang kesenian; timbulnya pasaran bebas sosialisme; cara hidup global dan kebudayaan kebangsaan; pemilikan peribadi dari negara-negara makmur, kebangkitan negara-negara di tepi Lautan Pasifik; era wanita dalam kepemimpinan; zaman biologi; kehidupan kembali keagamaan masa seribu tahun baru; dan kejayaan dari individu.

Kesimpulan di atas ditarik oleh kedua-dua penulis terbabit dari penelitian kecenderungan dalam bidang-bidang ekonomi, politik, sosial, kebudayaan dan dari pelajaran sejarah masa silam yang dikaji selama beberapa tahun.

Adalah termasuk dalam ajaran Qurani kita mesti mengerahkan fikiran dan tenaga untuk bersaing dalam meraih apa saja 'kejayaan halal'. Kita digalak

bergerak dalam segala bidang kehidupan bukan untuk hanya memerhati dan melihat sehingga mengakibatkan kestatikan. Ayat di atas memerintah kita untuk fastabiqul khairat, berlumba-lumba dalam melaksanakan kebaikan sama ada duniawi mahupun ukhrawi khasnya.

Era umat sekarang bukan lagi nak berperang dengan siapa dan untuk apa. Bukan lagi mempertikai pandangan fikah mazhab polan dan polan. Bukan lagi mempertikai persamaan wanita dan lelaki. Bukan lagi mengikut ideologi itu dan ini. Yang ada sekarang adalah era bagaimana perpaduan umat Islam sejagat dapat direalisasikan selain keupayaan umat, sumber daya manusia ataupun alamnya, dapat dikelola semaksimum mungkin. Yang ada sekarang adalah era bagaimana umat Islam nak bersaing dengan umat lain demi memakmur dan mensejahterakan masyarakat dunia sejagat.

Alhamdulillah, Malaysia dengan kepemimpinan Dr Mahathir Mohamad sudah melalui bahkan tak pernah melalui era-era yang pertama disebut di atas dan memasuki era-era yang kedua disebut di atas dalam melaksanakan ajaran Qurani fastabiqul khairat. Malaysia terus mara membangun dan mencapai kejayaan demi kejayaan sehingga menjadi model bagi saudara-saudara yang lain. Malaysia sudah tak main lagi dengan perang saudara, pertikaian etnik dan mazhab dan penindasan sesama muslim yang main sekarang adalah koridor multimedia.

Untuk itu, kita ikut bangga atas kelayakan Dr Mahathir menerima hadiah al-Malik Faisal bagi mengiktiraf kejayaan beliau dalam memimpin negara dan bangsa Malaysia yang tidak lain adalah sebahagian daripada umat Islam dunia. Syabas!

(END)